



NOTA RUJUKAN KOMSAS

PAPA... (Akhirnya Kau Tewas Jua!) (Deana Yusof)

Sinopsis

Bab 1

Julia sedang berbual-bual dengan Mak Cik Noraini di dapur dan terlihat akan keintiman mama dan papanya di kebun kecil berhampiran dengan rumah mereka. Dia menyatakan perasaan kurang senangnya apabila melihatkan kemesraan mama dan papanya yang dirasakan berlebihan.

Bab 2

Hari itu, Ju pulang dari sekolah menaiki bas. Biasanya, dia pulang bersama-sama dengan mamanya yang juga guru di situ. Mamanya telah dijemput oleh papanya kerana kurang sihat dan dibawa ke hospital. Mama dan papanya pulang dari hospital dengan gembira. Ju sangat gembira apabila mendapat tahu bahawa mamanya mengandung. Namun begitu, Mak Cik Noraini berasa bimbang kerana dia tahu bahawa mama pernah mengalami komplikasi sewaktu melahirkan Julia.

Bab 3

Julia terdengar perbualan mama dengan Mak Cik Noraini yang menyarankan mama supaya menggugurkan kandungannya. Mama bertegas tidak akan menggugurkan kandungannya tambahan pula papa sangat menginginkan anak lagi. Dia rela berkorban untuk papa yang dikasihinya. Petang itu, Julia mengajak papanya bermain tenis. Papanya menolak kerana penat. Julia mahu mengajak mamanya pula tetapi dilarang kerana mama sedang mengandung. Akhirnya, papanya mengalah dan bersetuju untuk menemani Julia bermain tenis. Di gelanggang tenis, ada seorang gadis menyapa papa. Papanya memperkenalkan gadis itu kepada Julia sebagai pelajarinya yang bernama Aisyah. Mereka minum bersama. Julia kurang senang serta bimbang papanya akan terpikat kepada pelajarinya itu.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

Bab 4

Julia dimarahi oleh mamanya kerana lewat turun ke kereta. Dia memberitahu mamanya bahawa kelewatannya disebabkan rakannya meminjam nota geografinya. Pada masa yang sama, Cikgu Suzie menumpang kereta mama ke bengkel kerana keretanya rosak. Dalam perjalanan, Cikgu Suzie menyatakan kebimbangannya terhadap kandungan mama akibat pengalaman kandungan mama yang terdahulu. Mama agak tersinggung. Mama memberitahu Cikgu Suzie bahawa dia amat menyayangi suaminya dan bersedia untuk menggembirakan dan berkorban demi suaminya.

Bab 5

Mama menyatakan kebimbangannya kepada papa seandainya pengalaman lalu berulang ketika dia melahirkan anak nanti. Papa menenangkan mama. Julia kurang senang melihat cara papanya. Julia bertanyakan kisah kelahirannya kepada Mak Cik Noraini. Mak Cik Noraini menyatakan bahawa saiznya hanya sebesar anak kucing, sering menangis, dan sukar dijaga kerana Julia tidak mahu minum susu formula ketika itu.

Bab 6

Di kolej, Aisyah sering berjumpa dengan papa. Selain itu, dia juga sering menumpang kereta papa untuk pulang ke rumahnya. Julia pernah menduga hati papanya agar berkahwin lagi. Papa memberitahu bahawa dia tidak boleh berbuat demikian kerana tidak mahu menduakan mama yang dikasihinya.

Bab 7

Julia telah masuk ke Tingkatan Lima. Saat mama untuk melahirkan anak pula semakin hampir. Doktor telah memberitahu bahawa mama mengandungkan anak kembar. Papa sangat gembira. Dia telah membeli dua buah katil serta kelengkapan bayi. Mak Cik Noraini menegur perbuatan papa tetapi tidak diendahkan oleh papa. Sewaktu mama mahu melahirkan, Julia dikejutkan oleh papa supaya membantunya untuk membawa mama ke hospital. Papa membawa mama ke Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM). Papa lebih yakin untuk membawa mama ke situ berbanding dengan hospital swasta walaupun jaraknya agak jauh. Ketika disorong ke bilik bersalin, mama meminta ampun daripada papa.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

Bab 8

Julia, papanya, dan Mak Cik Noraini menanti di luar bilik bersalin. Mama mengalami komplikasi dan memerlukan pembedahan. Selepas pembedahan, doktor menemui papa dan memberitahu mama telah melahirkan anak kembar siam tetapi kedua-duanya telah meninggal dunia sebelum dilahirkan. Doktor juga memberitahu papa bahawa mama koma kerana terlalu lemah dan kehilangan banyak darah. Papa menamakan adik Julia dengan nama Ahmad dan Muhammad. Jenazah mereka dikebumikan di tanah perkuburan berhampiran dengan rumah mereka. Papa kesal kerana keinginannya untuk mendapatkan anak lagi telah menyebabkan hal ini berlaku.

Bab 9

Selepas kelahiran itu, mama koma dan dirawat di hospital. Sejak itu, Julia pulang dari sekolah dengan papanya. Di kelasnya ada seorang pelajar baharu bernama Rasylan. Daripada reaksi yang ditunjukkan, Julia tahu bahawa Rasylan menyukainya. Suatu petang, Rasylan menyatakan bahawa dia ingin mengajak Julia ke perpustakaan. Namun begitu, Julia menolak kerana dia terpaksa mengikut papanya ke hospital.

Bab 10

Julia dan papanya melawat mama di hospital. Cikgu Suzie turut serta. Mama masih di wad ICU. Sewaktu di rumah, Julia melihat album perkahwinan mama dan papanya. Dalam album tersebut terselit surat papa yang menyatakan kasih sayang dan penghargaannya kepada mama. Dalam bab ini juga dinyatakan kisah Mak Cik Noraini yang juga sepupu papa Julia. Suami serta dua orang anaknya meninggal dalam kemalangan manakala Mak Cik Noraini terselamat. Sejak itu, papa Julia membawa Mak Cik Noraini tinggal bersama-sama dengan mereka. Kelahiran Julia telah mengubat duka Mak Cik Noraini apabila dia menjadi pengasuh Julia.

Bab 11

Suatu hari Mak Cik Noraini mencadangkan agar papa Julia berkahwin lagi. Papa Julia membantah kerana sukar untuk mencari isteri seperti Intan Maliana. Julia meminta izin daripada papanya untuk ke rumah Rasylan selepas habis SPM. Papanya tidak mengizinkan dengan alasan seorang perempuan tidak sesuai mendahului pergi ke rumah lelaki. Namun begitu, papanya tidak melarang Julia berkawan dengan Rasylan asalkan Julia pandai menjaga diri.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

Bab 12

Mama Julia dibawa pulang ke rumah atas permintaan papa. Semua kelengkapan untuk mama disediakan oleh papa. Aisyah datang untuk mengambil Julia bermain tenis. Pada mulanya Julia menolak ajakan Aisyah kerana ingin menjaga mama di rumah, tetapi papanya mendesak agar Julia pergi kerana telah berjanji. Selepas bermain tenis, Aisyah mengajak Julia ke rumahnya. Sekembalinya Julia ke rumah, dia dimarahi oleh papanya kerana pulang lewat.

Bab 13

Selepas SPM tamat, Rasydan berkunjung ke rumah Julia. Perbualan antara Rasydan dengan papa Julia telah menyingkap kisah peribadi Rasydan yang merupakan anak yatim dan diambil oleh Datuk Mustakim menjadi anak angkat. Papa Julia menceritakan kisah Datuk Mustakim yang melanggar ibu bapanya ketika pulang dari solat tarawih. Bapanya meninggal dunia manakala ibunya lumpuh. Papa Julia berasa marah kerana Datuk Mustakim tidak berhenti selepas kemalangan itu walaupun dia menanggung kos rawatan ibunya hinggalah ibunya meninggal dunia. Rasydan mencadangkan agar bapanya bertemu dengan Datuk Mustakim tetapi papa Julia enggan.

Bab 14

Ketika berjumpa dengan Julia di kedai buku, Rasydan menyatakan kepada Julia bahawa papanya seorang yang sombong. Papa melarang Julia berkawan rapat dengan Rasydan kerana tidak mengetahui asal-usul keturunannya. Walaupun Julia cuba mempertahankan Rasydan, namun papanya tetap berkeras. Julia sedih.

Bab 15

Sejak pertemuan dengan papa Julia, Julia dan Rasydan bertemu secara sembunyi-sembunyi kerana tidak mahu diketahui oleh papa Julia. Julia dan Rasydan mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan SPM. Semasa meraikan kejayaan mereka, Julia ternampak ayahnya bersama-sama dengan seorang wanita yang dikenalnya iaitu Aisyah di Starbucks Coffee. Setibanya di rumah, papanya sudah mengetahui akan keputusan peperiksaannya. Julia bercadang hendak melanjutkan pelajaran di matrikulasi UIA dalam bidang ekonomi.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

Bab 16

Julia berjaya mendapat tempat di matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA) dan tinggal di asrama. Rasydan juga berjaya mendaftarkan diri di tempat yang sama iaitu di UIA. Hujung minggu itu Rasydan menemani Julia ke kedai buku. Selepas membeli buku, mereka bercadang untuk minum di Starbucks Coffee. Rasydan kurang senang akan sikap Julia yang suka membuang duit di restoran mahal. Sekali lagi, Julia ternampak papanya bersama-sama dengan Aisyah di restoran tersebut.

Bab 17

Pada cuti hujung minggu itu Julia pulang ke rumah. Julia bermanja dengan papanya tetapi caranya bermesra itu ditegur oleh Mak Cik Noraini memandangkan dia sudah dewasa. Julia memikirkan persoalan bapanya dengan Aisyah. Papanya kelihatan agak kurus. Kini, masanya banyak dihabiskan untuk menjaga mama. Hari minggu berikutnya Julia tidak pulang. Dia mahu menyiapkan kerja kursus. Rasydan pula diminta oleh Encik Muaz al-Khalibi supaya membuat ujian DNA. Semasa bersama-sama dengan Rasydan di sebuah restoran, sekali lagi Julia ternampak papanya bersama-sama dengan Aisyah.

Bab 18

Minggu berikutnya Julia pulang ke rumah. Dia melangkah masuk ke rumah secara senyap-senyap untuk mengejutkan Mak Cik Noraini. Dia terdengar perbualan papanya dengan Mak Cik Noraini tentang pengganti mama. Selepas berehat, dia menemui bapanya yang sedang membaca artikel tentang poligami. Julia memberitahu papanya bahawa dia pernah melihat papanya bersama-sama dengan Aisyah beberapa kali di restoran. Dia membantah niat papanya untuk berpoligami kerana mama hidup lagi dan tidak mahu bapanya berlaku curang. Julia dimarahi dan ditampar oleh papanya. Esoknya pagi-pagi lagi Julia pulang ke asrama tanpa dihantar oleh papanya.

Bab 19

Julia dan Rasydan bercerita tentang papa Julia. Rasydan mahu Julia lebih bersikap rasional. Julia tidak dapat menumpukan perhatian pada pelajaran selama beberapa hari. Rasydan memberitahu Julia bahawa ujian DNA yang dilakukannya positif. Hal ini membuktikan bahawa dia anak Encik Muaz. Tetapi Rasydan tidak boleh menerimanya. Hujung minggu berikutnya Julia tidak pulang ke rumah. Telefonnya juga dimatikan. Dia masih tersinggung oleh sikap papanya. Suatu hari, semasa hendak bertemu dengan Rasydan, papanya muncul dan membawanya keluar untuk berterus terang kepada Julia tentang hasratnya hendak mencari teman hidup yang baharu. Julia keras membantah. Papa menurut pendirian Julia. Julia sedih melihat keadaan papanya. Akhirnya, dia memberi kebenaran kepada papanya untuk berkahwin lain.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

Bab 20

Encik Muaz memberitahu Rasydan bahawa dia lahir hasil hubungannya dengan warga Indonesia yang bekerja sebagai pengemas bilik. Setelah tujuh bulan dilahirkan, dia ditinggalkan di tepi jalan berhampiran dengan longkang besar. Ibunya pulang ke Indonesia kerana malu. Julia dibawa oleh bapanya bertemu dengan bakal ibu tirinya. Julia juga diminta papanya supaya pulang pada hujung minggu itu bagi meraikan pernikahannya.

Bab 21

Julia demam panas dan dibawa ke hospital oleh papanya. Dia bermimpi didatangi oleh seseorang yang mirip papanya. Dalam mimpinya, Julia meluahkan isi hatinya bahawa dia tidak suka papanya berkahwin lagi kerana tidak mahu kehilangan kasih sayang papanya. Setelah mendengar pendapat lelaki yang mirip wajah papanya itu, akhirnya Julia sedar bahawa dia harus berkorban untuk kebahagiaan orang yang dikasihinya. Setelah dia sedar daripada mimpinya, papa dan Mak Cik Aisyah berada di sisinya.

Bab 22

Setelah berada di hospital selama tiga hari, Julia dibawa pulang oleh papanya dan Mak Cik Aisyah. Selepas tamat cuti pertengahan semester, Julia pulang ke asrama. Sepanjang bersama Mak cik Aisyah, Julia dapat merasakan sifat penyayang yang ditunjukkan oleh Mak Cik Aisyah. Walau bagaimanapun, Julia masih belum dapat menerima kehadiran Aisyah sepenuhnya. Selepas peperiksaan semester tamat, Julia pulang ke rumah. Julia bercuti selama enam minggu. Pada suatu hari, Julia terdengar perbualan antara papanya dengan Mak Cik Aisyah yang tidak membenarkan Mak Cik Aisyah memasuki bilik mama tanpa ditemani oleh papa. Julia memberitahu Mak Cik Noraini bahawa Mak Cik Aisyah dimarahi oleh papa kerana bimbang Mak Cik Aisyah akan meracuni ibunya. Semasa perbualan antara Julia dengan Mak Cik Noraini itu, tiba-tiba papa dan Mak Cik Aisyah masuk. Julia terkesima lantas memohon maaf kepada Mak Cik Aisyah.

Bab 23

Julia belajar dalam semester ketiga. Julia bertengkar dengan Rasydan berikutan sikap cemburunya apabila melihat Julia berbual-bual dengan pelajar lelaki. Cuti pertengahan semester bermula lagi. Julia memilih untuk pulang dengan menaiki bas bersama-sama dengan Rasydan. Rasydan mengambil keputusan tidak akan memberitahu bapa angkatnya perihal dia menemui bapa kandungnya. Dia juga tidak mahu menerima tawaran Encik Muaz sebagai bapanya.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

Bab 24

Julia bercuti di rumahnya. Mak Cik Aisyah mengesan sikap Julia yang mungkin bermasalah tentang teman lelaki. Rasydan menelefonnya untuk mengajaknya keluar. Namun begitu, Julia menolak dengan alasan mahu menjaga mamanya. Papa mencadangkan Julia bertukar ke universiti tempat bapanya bekerja jika dia bermasalah, tetapi Julia menolak cadangan tersebut. Usai solat berjemaah dengan papa dan mak ciknya, Julia dan papa ke bilik mama. Setelah ditegur, mama mula membuka mata dan menggerakkan tangan dan jari-jarinya serta mencuba untuk berkata-kata. Aisyah masuk ke bilik apabila mendengar papa berbual dengan seseorang. Mama memerhatikan Aisyah yang sedang memegang bahu papa. Papa memperkenalkan Aisyah sebagai isterinya dan menjelaskan sebab-sebab dia mengahwini Aisyah. Apabila mendengar alasan papa, mama mendengus keras serta melepaskan genggam tangan papa. Akhirnya, dalam keadaan kecewa, mama menghembuskan nafasnya yang terakhir dan buat pertama kalinya Julia melihat papanya menangis .

SINOPSIS KESELURUHAN

Novel ini mengisahkan Intan Julia yang hidup bahagia dengan bapanya Jeffri (Papa) dan mamanya Intan Maliana serta pembantu rumah Makcik Noraini di Kelana Jaya. Intan Julia (16 tahun) bersekolah di SMK Seri Gading . Di sekolah ini juga ibunya Intan Maliana menjadi guru Matematik. Bapanya juga menjadi guru Sains Pertanian di sekolah yang sama. Kemudian bapanya menjadi pensyarah ekonomi di Kolej Ikhtisas. Intan Maliana mengandung lagi bagi memenuhi kehendak suaminya. Cikgu Suzie dan Makcik Noraini melarang Intan Maliana mengandung kerana 17 tahun lalu dia pernah pengsan / koma ketika melahirkan Intan Julia. Doktor terpaksa memerah susu kerana bayi itu (Intan Julia) enggan minum susu tepung. Intan Julia lahir tak cukup bulan, hanya 7 bulan sahaja. Makcik Noraini adalah sepupu Jefri. Dia kematian suami dan anak-anak 17 tahun lalu akibat kereta berlanggar dengan lori tangki semasa dalam perjalanan dari Johor ke Bidor sewaktu mereka hendak pulang berhari raya.

Intan Maliana melahirkan anak kembar Siam bernama Ahmad dan Muhamad di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) di Cheras, Selangor. Anak kembar ini meninggal sewaktu dalam perut dan Intan Maliana koma selama 3 tahun . Jeffri membawa pulang isterinya untuk dirawat di rumah sahaja kerana dia ingin meluangkan lebih masa bersama isterinya dan mengikuti perkembangan isterinya dari semasa ke semasa. Selepas SPM , Intan Julia belajar di Kolej Matrikulasi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak , Selangor. Dia tinggal di asrama UIA. Dia sesekali pulang ke rumah dan menjaga ibunya yang koma . Julia dan Rasydan belajar di tempat yang sama dan selalu bersama ke perpustakaan, minum di Restoran Starbuck Coffee di Mid Valley dan restoran makanan segera. Julia terserempak dua kali dengan bapanya dan Aisyah minum bersama. Aisyah merupakan gadis cantik, anak hartawan dan tinggal di Kelana Jaya. Dia merupakan pelajar Jeffri. Mereka pernah bermain tenis bersama di Kelab sukan Kelana Jaya. Secara berseloroh Intan Julia menyuruh bapanya berkahwin dengan Aisyah.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

Rasylan menasihati Intan Julia agar tidak membantah bapanya berkahwin dengan Aisyah. Jeffri pernah menampar Intan Julia kerana isu itu. Rasylan adalah anak hubungan terlarang antara pensyarah UIA, Muaz al-Khalibi dengan pembantu rumahnya warga Indonesia. Pembantu rumah itu balik ke Bandung dan meletakkan bayi itu di tepi jalan bersebelahan longkang besar kerana malu anaknya tidak berbapa setelah Muaz al-Khalibi pulang ke Jordan. Jabatan Kebajikan Masyarakat menyerahkan bayi itu kepada Datuk Mustakim untuk dijadikan anak angkat dan tinggal di Taman Seri Andalas, Kelang. Jeffri melarang Intan Julia rapat dengan Rasylan kerana tidak tahu asal-usul keturunannya. Rasylan menjadi anak angkat Datuk Mustakim. Dia tidak mendapat kasih sayang dan sering ditinggalkan di rumah sahaja. Jeffri melangsungkan perkahwinan dengan Aisyah setelah mendapat persetujuan Intan Julia.

Jeffri melarang Aisyah masuk ke bilik isteri pertamanya Intan Maliana kerana bimbang diracun. Setelah 3 tahun koma dan terbaring di rumah, Mama boleh membuka mata. Mama terkejut apabila melihat Aisyah di sebelah suaminya dan sedang sarat mengandung. Mama mati terkejut setelah mengetahui Jeffri telah menduakannya.

TEMA

Novel karya Deana Yusof ini bertemakan **kasih sayang dalam keluarga**. Buktinya mama sanggup mempertaruhkan nyawanya untuk mengandung kali kedua sebagai tanda kasih sayang yang mendalam terhadap papa yang inginkan anak meskipun tahu risiko yang bakal dihadapi sekiranya mama meneruskan kandungannya itu. Papa juga membuktikan kasih sayang yang mendalam terhadap mama dengan cara menjaganya, berbual-bual dengan mama sepanjang masa mama koma dengan harapan mama akan pulih seperti dahulu. Malah, Intan Julia turut membuktikan kasih sayangnya dengan mengizinkan papa mengahwini Aisyah meskipun pada peringkat awalnya dia menentang hasrat papanya.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

Persoalan

Persoalan pengorbanan suami dan isteri demi kebahagiaan pasangan masing-masing.

Buktinya Intan Maliana sanggup mengandung kali kedua demi memenuhi kehendak suaminya. Malah, Jeffri pula berkorban dengan cara menjaga isterinya yang koma selama lebih tiga tahun.

Persoalan kesetiaan seorang suami terhadap isterinya. Buktiya, Jeffri setia menemani isterinya yang koma selepas kehilangan banyak darah semasa melahirkan kembar siam yang diberi nama Ahmad dan Muhammad. Malah, Jeffri juga enggan berkahwin lain ketika didesak oleh Mak Cik Noraini sebagai bukti kesetiaannya itu. Namun, keputusan untuk berkahwin lain dibuat selepas bertahun-tahun hidup keseorangan.

Persoalan ketabahan menghadapi dugaan. Buktiya, Jeffri tabah menghadapi dugaan ketika isterinya koma dan berusaha untuk mengubatinya. Malah, dia juga tabah tatkala kedua-dua anak kembar siamnya juga meninggal dunia.

Persoalan keprihatinan terhadap masalah orang lain dapat dibuktikan melalui watak cikgu Suzie yang cuba menasihati Intan Marliana agar tidak terus mengandung kerana sedar akan risiko yang bakal dihadapi oleh rakan baiknya berdasarkan pengalamannya yang lalu.

Persoalan poligami. Jeffri berkahwin dengan Aisyah setelah kesunyian kerana isteri pertamanya Intan Marliana koma. Keputusan itu juga dibuat setelah mendapat persetujuan anaknya Intan Julia dan hidup bersendirian selama tiga tahun.

Persoalan kegigihan menimba ilmu pengetahuan. Julia gigih dan tekun belajar untuk menghadapi SPM. Dia mendapat keputusan yang cemerlang dalam SPM dan meneruskan pelajarannya di Kolej Matrikulasi UIA. Walaupun Julia menghadapi tragedi dan masalah keluarga serta cinta, dia tetap gigih menimba ilmu.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

Persoalan cinta zaman remaja. Julia berkenalan dengan Rasylan sejak di tingkatan lima. Hubungan mereka bertambah intim selepas mereka belajar di kolej matrikulasi yang sama. Rasylan dan Julia sering bertukar-tukar pendapat jika salah seorang daripada mereka mempunyai masalah. Namun begitu, sudah menjadi lumrah orang bercinta, masalah cemburu telah timbul sehingga merunsingkan hati Julia.

Persoalan gejala sosial dalam masyarakat. Rasylan menjadi mangsa kepada gejala pembuangan bayi yang berlaku dalam kalangan masyarakat hari ini. Dia merupakan anak luar nikah yang dibuang oleh ibu dan bapanya. Dia dijaga di rumah JKM sebelum menjadi anak angkat Datuk Mustakim. Rasylan mengalami konflik apabila Encik Muaz al-Khalibi tiba-tiba datang mengaku sebagai ayah kandungnya.

Plot

Secara keseluruhannya plot drama digarap mengikut kronologi. Terdapat empat peringkat garapan plot iaitu:

(i) Permulaan

Pada suatu petang, ketika Intan Julia berada di dapur dengan Mak cik Noraini, dia memerhatikan kemesraan yang ditunjukkan oleh mama dan papanya yang ketika itu berada di kebun kecil berhampiran dengan rumah mereka. Dia berasa kagum akan kemesraan antara mama dengan papanya yang tetap kekal walaupun mereka telah lama berumahtangga. Walau bagaimanapun, apabila melihat keterbukaan mama dan papanya dalam menunjukkan kemesraan mereka, dia berasa kurang senang .

(ii) Perkembangan

Ibu Julia telah mengandung anak kedua. Hal ini membimbangkan orang-orang yang rapat dengan ibunya kerana ibunya pernah mengalami komplikasi sewaktu melahirkan anak pertama. Namun begitu, mamanya tetap berhasrat untuk meneruskan kandungannya bagi menunjukkan kasihnya kepada papa. Akhirnya, mama melahirkan anak kembar siam. Anak mereka diberi nama Ahmad dan Muhammad. Walau bagaimanapun, anak kembar ini meninggal dunia dan mama koma. Julia mula rapat dengan Rasylan, iaitu teman sekolahnya. Walau bagaimanapun, hubungan mereka



NOTA RUJUKAN KOMSAS

tidak disenangi papa. Selepas SPM, Julia dan Rasydan berjaya mendapat tempat di matrikulasi UIA. Di samping itu, papa Julia pula mula rapat dengan pelajarnya yang bernama Aisyah. Aisyah cuba mendekati Julia dengan sering bertanyakan khabar dan mengajaknya bermain tenis. Akhirnya, papa menyatakan hasrat mahu memperisterikan Aisyah. Julia menentang hasrat papanya. Konflik berlaku hingga papa menamparnya. Tetapi selepas papanya berbincang dari hati ke hati dengan Julia, akhirnya Julia bersetuju.

(iii) Konflik

- Intan Maliana pernah mengalami kesulitan ketika melahirkan Intan Julia namun begitu dia sanggup berkorban untuk mengandung semula dan melahirkan anak kedua setelah anak pertamanya berusia 16 tahun.
- Julia dilarang daripada berkawan dengan Rasydan kerana papa Julia tidak mengetahui latar belakang keturunan Rasydan.
- Julia khuatir kasih sayang papanya akan berkurangan jika papanya berkahwin dengan Aisyah.
- Jeffri pula ingin berkahwin lagi tetapi sanggup membatalkan niatnya jika Julia membantah hasratnya.

(iv) Klimaks

Klimaks novel ini bermula pada suatu malam selepas Julia bersembahyang jemaah dengan papanya. Mama yang sudah lama koma akhirnya sedar dan mula membuka matanya serta mencuba untuk bercakap. Pada ketika itu, semua ahli keluarganya ada di sisi. Walau bagaimanapun, setelah melihat Aisyah, raut wajahnya berubah. Papa menjelaskan perkara yang sebenar, mama berasa kecewa dan menangis. Sejurus selepas itu, mama menghembuskan nafas yang terakhir.

(v) Peleraian

Kematian mama amat menyedihkan Julia dan buat pertama kalinya, papanya menangis.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

Watak dan Perwatakan

Watak utama

Intan Julia

- Berusia 16 tahun pada permulaan cerita dan 19 tahun pada akhir cerita.
- Fizikalnya mempunyai ketinggian 160cm.
- Anak sulung kepada Jeffri dan Intan Marliana.
- Meneruskan pengajian di Pusat Matrikulasi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia selepas mendapat keputusan cemerlang dalam SPM.
- Taat kepada ibu bapa. Buktinya dia sentiasa berusaha untuk menggemirakan hati ibu bapanya dengan belajar bersungguh-sungguh.
- Seorang yang penyayang, sentiasa menjaga hubungan yang baik dengan Makcik Noraini.
- Sebagai umat Islam, Julia taat kepada perintah Allah. Dia rajin bersolat dan bertudung.
- Suka berdikari, walaupun tempat pengajiannya berdekatan dengan rumahnya, namun dia memilih untuk tinggal di asrama.
- Seorang yang sensitif. Ini dibuktikan apabila dia tidak membenarkan papanya berkahwin lagi. Dia benar-benar terasa bahawa papanya tidak menyayangi mamanya lagi.

Watak Sampingan

Jeffri (Papa)

- Seorang pensyarah di universiti tempatan.
- Seorang yang penyayang dan bertanggungjawab terhadap keluarganya.
- Setia terhadap isterinya. Dia tidak jemu-jemu menjaga isterinya yang koma selepas mengalami komplikasi ketika melahirkan anak kembarnya.
- Sedia berkorban demi keluarga. Dia sanggup meminta izin daripada doktor untuk menjaga isterinya di rumah agar dapat memberikan tumpuan yang lebih kepada isterinya.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

- Tabah menghadapi dugaan apabila isterinya koma dan anak kembarnya meninggal dunia.

Intan Marliana (Mama)

- Isteri kepada Jeffri.
- Seorang guru matematik di Sekolah Menengah Seri Gading.
- Sangat mengasihi suaminya. Bertekad untuk meneruskan kandungannya dan pasrah kepada takdir Ilahi untuk membuktikan kasihnya kepada suami.
- Koma setelah menghadapi komplikasi semasa melahirkan anak kembar siamnya.
- Meninggal dunia setelah tiga tahun dalam keadaan koma.

Makcik Noraini

- Sepupu kepada Jeffri.
- Tinggal bersama Jeffri setelah kematian suami dan dua orang anaknya dalam suatu kemalangan jalan raya.
- Dia menjaga Julia sejak bayi sehingga dewasa.
- Banyak mengetahui perihal keluarga Jeffri dan sejarah percintaan mereka.
- Sentiasa mengambil berat tentang Intan Julia dan sering member nasihat kepada Intan Marliana.

Rasylan

- Anak angkat kepada Datuk Mustakim. Dia diambil oleh Datuk Mustakim daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- Rasylan lahir hasil daripada hubungan terlarang bapanya seorang pensyarah kolej yang berasal dari Jordan iaitu Muaz al-Khalibi dan seorang pekerja Indonesia.
- Tidak mahu mengakui bapa kandungnya yang dirasakan tidak bertanggungjawab.
- Kawan rapat Intan Julia.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

Latar

Latar masa

Semua peristiwa itu berlaku dalam tempoh beberapa tahun iaitu sejak Intan Julia berusia 16 tahun hingga dia berusia 19 tahun.

Latar Tempat

1. Di rumah Jeffri di Kelana Jaya – Tempat Jeffri dan keluarganya serta Mak Cik Noraini pembantu rumah mereka tinggal dalam suasana yang harmoni.
2. Di Sekolah Menengah Seri Gading – Tempat Julia belajar dan tempat Intan Maliana menjadi guru Matematik.
3. Di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia – Tempat Intan Maliana melahirkan anak kembarnya dan dirawat semasa dia dalam keadaan koma.
4. Di Pusat Matrikulasi, Universiti Islam Antarabangsa (UIA) – Tempat Julia dan rakan rapatnya Rasydan meneruskan pengajian selepas tamat sekolah menengah.
5. Di Restoran Starbucks Coffee di Mid Valley – Tempat Julia dan Rasydan kunjungi untuk minum dan di sinilah jugalah mereka terserempak dengan papa Julia minum bersama-sama dengan Aishah sebanyak dua kali.

Latar Masyarakat

1. Masyarakat bandar dan terdiri daripada golongan elit.
2. Masyarakat yang mengutamakan kasih sayang dalam hubungan kekeluargaan.
3. Masyarakat yang terdiri daripada golongan berpendidikan tinggi.
4. Masyarakat yang mengutamakan pendidikan dan berusaha dengan gigih untuk mencapai kejayaan.
5. Masyarakat yang bersikap prihtain dan mengambil berat akan masalah orang lain.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

Teknik Penulisan

1. Pemerian

Contohnya: Petang itu cuaca sungguh nyaman. Angin bertiup beralun lembut dan amat menyegarkan. Dengan rambutku yang ikal dan panjang memcecah bahu dan diikat ekor kuda, dengan berseluar panjang dan berkemaja T, aku yang tadinya berbaring sebentar di atas tilam empuk bilikku turun dari tingkat atas menuju ke ruang dapur di tingkat bawah.

2. Dialog

Contohnya, “Lia...,” sambil memegang tangan perempuan yang terbaring. “Ini Aisyah, isteri abang, adik Lia juga!” Lalu dia mencapai tangan Mak Cik Aisyah dan menghulurkan kapadanya.

3. Imbas Kembali

Contohnya, Mak Cik Noraini akan kisah papa Julia bertugas sebagai guru.

4. Suspens

Contoh: Pembaca tertanya-tanya akan nasib yang akan menimpa Intan Maliana setelah doktor memaklumkan bahawa Intan Maliana perlu menjalani satu pembedahan kerana ada komplikasi terhadap kandungannya.

5. Monolog Dalaman

Contoh: Aku hanya memandang keluar tingkap kereta, ke jalan raya dan melihat kereta yang banyak lalu lalang. Aku meletakkan diriku di tempat mama sekarang, apa yang bakal dirasainya kalau dia tahu semua ini?

Gaya Bahasa

1. Simile

Contoh: Aku lihat Mak Cik Noraini, pembantu di rumahku sedang sibuk **macam** lipas kudung membancuh kopi dan menggoreng karipap yang dibelinya dari pasar raya pada petang minggu yang lalu.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

2. Personifikasi

Contoh: Matahari sudah mula menunjukkan wajahnya yang garang.

3. Sinkof

Contoh: "Tak ada apa-apa, mama cuma mabuk darah...tu saja."

4. Kata Ganda

Contoh: Dia menelan liurnya berkali-kali sebelum memberikan jawapan.

5. Peribahasa

Contoh: "Tentu you ingat lagi pada saat you melahirkan Julia enam belas tahun yang lalu! Apa you tak takut ke?" Dia menjeling padaku yang sedap menyandar tetapi **memasang telinga.**

Nilai

1. Nilai bertanggungjawab

Jeffri bertanggungjawab membawa Makcik Noraini tinggal bersamanya setelah suami dan dua anaknya meninggal dalam kemalangan jalan raya.

2. Nilai belas kasihan

Datuk Mustakim sanggup mengambil Rasydan menjadi anak angkatnya selepas mengambilnya dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

3. Nilai kasih sayang

Jeffri sangat mengasihi keluarganya. Dia sanggup membawa balik isterinya daripada hospital untuk membolehkannya meluangkan masa dan menjaga isterinya dengan rapi.

4. Nilai hormat menghormati

Julia tidak membenci Rasydan walaupun dia tahu bahawa Rasydan berasal dari perhubungan terlarang seorang pensyarah kolej yang berasal dari Jordan iaitu Muaz al-Khalibi dan seorang wanita Indonesia.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

Pengajaran

1. Suami dan isteri perlu mengekalkan hubungan mesra walaupun telah lama mendirikan rumahtangga.
2. Janganlah membelakangkan aspek kesihatan dalam memenuhi keinginan mahu mendapatkan zuriat.
3. Jagalah diri agar tidak terjerumus ke lembah maksiat dengan melakukan hubungan terlarang. Kita hendaklah gigih berusaha bagi mencapai kejayaan dalam pelajaran.
4. Kita hendaklah menjaga ikatan kekeluargaan agar sentiasa hidup dalam kesejahteraan.
5. Kita perlu menjaga batasan dalam menunjukkan kemesraan kepada keluarga tetapi jangan keterlaluan.
6. Kita hendaklah menjaga batas hubungan semasa bercinta.
7. Kita perlu bersedia memaafkan kesalahan orang lain bagi membina hubungan yang mesra.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

Latihan

1. Berdasarkan novel Papa...(akhirnya kau tewas jua!), huraikan dua peristiwa yang dapat dijadikan ikhtibar kepada pembaca.
2. Berdasarkan novel Papa...(akhirnya kau tewas jua!), huraikan tiga keistimewaan yang ditonjolkan melalui watak utama.

Jawapan

1. Dua peristiwa yang dapat dijadikan ikhtibar:
 - Encik Muaz al-Khalibi telah melakukan perbuatan yang terkutuk sebanyak beberapa kali dengan pengemas biliknya yang berwarganegara Indonesia. Ekoran perbuatan tersebut, wanita terbabit telah mengandung. Wanita itu telah ditinggalkannya sebaik sahaja dia menamatkan pengajiannya. Ikhtibar yang diperoleh daripada peristiwa ini ialah kita hendaklah menjauhi perbuatan mungkar dan mestilah bertanggungjawab atas perbuatan dan kesalahan yang telah kita lakukan.
 - Julia telah terdengar perbualan antara Mak Cik Noraini dengan Jeffri tentang niat Jeffri untuk berkahwin lagi. Julia berbual dengan papanya untuk mendapat butiran lanjut. Dalam perbualan tersebut, Julia ditampar oleh Jeffri kerana mengeluarkan kata-kata yang menyakitkan hati Jeffri. Ikhtibar yang diperoleh daripada peristiwa tersebut ialah seseorang anak janganlah terlalu mengikut kata hati apabila bercakap dengan ibu bapa. Sebaliknya, jagalah tutur kata agar tidak menyinggung perasaan orang tua.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

2. Tiga keistimewaan watak utama. Watak utama – Intan Julia:

- Taat akan perintah Tuhan. Intan Julia tetap taat melaksanakan suruhan Tuhan dengan melaksanakan solat Subuh, walaupun hatinya tertekan selepas ditampar oleh bapanya.
- Tabah dalam menghadapi ujian hidup. Sungguhpun Julia menghadapi pelbagai dugaan hidup seperti keadaan ibunya yang koma serta perhubungannya dengan Rasydan tidak direstui Jeffri, namun dia menghadapi semua keadaan itu dengan hati yang tabah dan sedikit pun tidak mengganggu prestasi pelajarannya.
- Tidak memandang rendah akan orang lain. Sungguhpun Julia mengetahui bahawa Rasydan tidak berbapa serta dilahirkan angkara kedurjanaan Encik Muaz al-Khalibi terhadap seorang pengemas bilik yang berbangsa Indonesia, namun Julia tidak memandang rendah terhadap temannya itu.